

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

STU442 - Undang-Undang Pekerjaan

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan semuanya. Dalam Bahagian A, soalan 1 mesti dijawab; pilih SATU (1) lagi dari Bahagian ini. Dari Bahagian B pilihlah SATU (1) soalan.

Bahagian A

Soalan 1 mesti dijawab; pilih SATU (1) lagi dari bahagian ini.

Soalan 1

- (a) Apakah sebabnya kita menghargai sumbangan dan pengorbanan pekerja sekadar menyambut Hari Pekerja di merata-rata tempat di dunia? Huraikan kepentingan meningkatkan kualiti hidup pekerja dan **apakah** langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencapai objektif ini.
- (b) Dari aspek perhubungan majikan-pekerja, adakah corak dan bentuk perhubungan yang ada sekarang menyumbang ke arah perasaan saling hormat-menghormati dan semangat kerjasama yang selanjutnya membantu memberi makna pada kerja sebagai suatu kegiatan dan keperluan hidup yang penting? Berilah pandangan anda dengan memberi contoh-contoh yang relevan.

(100 markah)

...2/-

(c) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai terma-terma berikut:

- Remedi
- 'Full Employment'
- Krisis Sistem Sosial
- Undang-Undang Bertulis
- Dasar Buruh Kebangsaan

(d) Berikan komen anda mengenai isu gaji minimum.

(100 markah)

### Soalan 2

(a) D masuk ke sebuah kedai layan diri lalu mengambil bakul dawai daripada tempat yang disediakan dan memasukkan barang-barang yang diambil daripada para-para ke dalam bakul itu. Apabila dia hendak meninggalkan kedai itu barulah dia teringat yang dia terlupa membawa wang; jadi dia pun meletakkan semua barang-barang itu ke atas para-para. Pengurus kedai itu menahannya mengatakan bahawa satu kontrak telah wujud kerana D telah membeli barang-barang itu dan mestilah membayar harganya. Nasihatkan pengurus itu berdasarkan kes-kes relevan dan seksyen-seksyen dalam *Akta Kontrak 1955*.

(b) Apakah 3 elemen asas bagi sesuatu kontrak mudah yang sah? Bincangkan mengenai setiap elemen tersebut.

(c) 'Suatu perjanjian boleh dibuat dalam apa-apa cara sekali pun dengan syarat pihak-pihak itu saling berhubungan.' Sila jelaskan pernyataan ini.

(d) Berikan nota-nota ringkas mengenai terma-terma berikut:

- tawaran & pelawaan tawaran
- kontrak dwipihak & kontrak satu pihak.

(100 markah)

### Soalan 3

(a) Apakah **dua** jenis **perhubungan pekerjaan** yang wujud dalam konteks undang-undang pekerjaan? Nyatakan **akta-akta tempatan** yang menyentuh kedua-dua jenis perhubungan tersebut.

(b) Mengapakah kontrak dianggap sebagai penting dalam perhubungan pekerjaan? Huraikan perbezaan-perbezaan di antara kontrak am dan kontrak pekerjaan.

...3/-

- (c) Mengapakah mahkamah perlu menentukan jikalau sesuatu kontrak pekerjaan itu jatuh di bawah **Kontrak Perkhidmatan** atau **Kontrak untuk Perkhidmatan**. Huraikan ujian yang digunakan untuk tujuan tersebut; sertakan kes-kes berkenaan untuk setiap ujian.
- (d) Kedua-dua majikan dan pekerja mestilah menyetujui segala terma dan syarat supaya mereka memahami akan tanggungjawab yang akan timbul di sisi undang-undang.
- (i) Nyatakan **dua** (2) jenis **terma** dalam Kontrak Perkhidmatan.
- (ii) Jelaskan apakah itu **ujian kecekapan perniagaan** dan **ujian pemerhati berwibawa**; bilakah ujian tersebut digunakan oleh mahkamah?
- (iii) Selain daripada terma yang ditetapkan oleh pihak majikan dan pihak pekerja dengan **kerelaan bebas**, apakah 4 elemen lain yang turut mempengaruhi kontrak perkhidmatan. Berikan penjelasan ringkas mengenai setiap elemen tersebut.

(100 markah)

### Bahagian B

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

#### Soalan 4

- (a) Apakah objektif utama statut/perundangan yang digubal di bawah undang-undang pekerjaan? Huraikan dengan ringkas mengenai statut berikut dan tujuan-tujuannya:
- **Akta Pekerjaan 1955**
  - **Akta Keselamatan Sosial pekerjaan 1969**
  - **Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991**
- (b) Sila jelaskan kewajipan/obligasi dan larangan yang muncul bagi pihak majikan dan pekerja masing-masing dalam pelaksanaan kontrak perkhidmatan.
- (c) Malaysia mempunyai sistem tripartite dalam perhubungan perindustriannya. Jelaskan pernyataan ini.
- (d) (i) Apakah **tiga (3) kategori** kesatuan sekerja (trade unions) yang wujud di Malaysia?
- (ii) Berikan definisi “kesatuan sekerja”/”trade union”.

...4/-

- (iii) Adakah pekerja di Malaysia mempunyai hak untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja? Nyatakan Akta (dan seksyen-seksyen spesifik) yang menyentuh hak tersebut.

(100 markah)

Soalan 5

- (a) Apakah itu rundingan kolektif (collective bargaining)? Nyatakan 2 prasyarat yang diperlukan untuk mewujudkan suatu rundingan kolektif yang efektif.
- (b) (i) Berikan definisi '**persetujuan kolektif**' (collective agreement). Apakah syarat-syarat yang mesti dipenuhi sebelum **Mahkamah Perusahaan** akan mengiktirafkan persetujuan tersebut sebagai suatu dokumen sah yang mengikut kedua-dua pihak.
- (ii) Apakah **tiga (3) item** yang biasanya terdapat dalam semua persetujuan kolektif? Berikan penjelasan untuk setiap item tersebut.
- (iii) Bila sesuatu masalah di antara pihak majikan dan pekerja tidak dapat diselesaikan secara aman, terdapat **dua** jenis tindakan perusahaan (industrial action) yang boleh diambil oleh pekerja dan **sejenis** tindakan yang kadangkala di ambil oleh majikan. Nyatakan **tindakan-tindakan perusahaan** tersebut serta penjelasan mengenainya.
- (c) Huraikan **empat (4)** cara yang wujud untuk menyelesaikan '**trade dispute**'.
- (d) Apakah fungsi utama Mahkamah Perusahaan? Nyatakan **empat (4)** jenis kes-kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Perusahaan. Apakah jenis kes-kes yang dapat didengar terus oleh Mahkamah tersebut tanpa dirujuk oleh Menteri?

(100 markah)